

24 DEC 2002

M'SIA-PERTUMBUHAN/I

KERAJAAN PERLU TERUS PASTIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dengan memperkenalkan langkah ransangan ekonomi tambahan bagi mengimbangi pengaruh-pengaruh negatif dari luar, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis, hari ini.

Beliau berkata Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sering mengadakan mesyuarat untuk memantau pembangunan ekonomi negara.

Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) empat hingga lima peratus tahun ini dan tahun depan.

"Kami (kerajaan) akan terus memainkan peranan kami. Terdapat pertumbuhan kukuh dalam permintaan pengguna, oleh itu, ekonomi kita akan terus mencatatkan prestasi yang baik," katanya ketika ditanya mengenai perkembangan terkini cadangan langkah ransangan ekonomi tambahan yang akan dilaksanakan di tengah-tengah ancaman peperangan di Iraq.

Jamaludin berkata demikian selepas menghadiri majlis rumah terbuka Hari Raya yang diadakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di ibu pejabatnya di sini, hari ini.

Dalam usaha membendung kesan-kesan negatif kegawatan ekonomi global akibat daripada penurunan ekonomi AS dan Jepun kira-kira tiga tahun lalu kerajaan telah menyediakan pakej ransangan ekonomi bernilai RM3 bilion pada Mac 2001.

Ia menambah RM4.3 bilion lagi pada September tahun lalu selepas kejadian serangan penganas pada 11 Sept.

Mengenai bila pakej ransangan tambahan itu akan diumumkan, beliau berkata: "Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) akan mengumumkannya tahun depan...beliau akan membuat keputusan itu."

Terdahulu hari ini di pelancaran mesin kawalan komputer berangka (CNC) pertama buatan Malaysia oleh Technology Park Malaysia (TPM) di Bukit Jalil di sini, Dr Mahathir berkata kerajaan "banyak mengusahakan sesuatu."

Beliau berkata sebahagian daripada usaha-usaha itu merupakan strategi kerajaan.

"Kita boleh merangsangkan ekonomi oleh itu anda perlu percayakan kerajaan," katanya. -- BERNAMA

SM SD ZK